

# **Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Parti Komunis Malaya, 1945-1948: Satu Penelitian Mengenai Kegiatan Politik Mereka**

---

Oleh

**Ramlah Adam**

## **PENDAHULUAN**

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) merupakan sebuah parti politik Melayu yang paling awal ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah. Parti ini ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. Ia ditubuhkan sebagai satu usaha untuk mengisi kekosongan politik Melayu pada masa itu, di samping menjadi satu badan gerakan politik radikal bagi orang Melayu Perak dan Semenanjung.

Pandangan para pengkaji dan peminat sejarah terhadap PKMM sebenarnya telah dibentuk oleh beberapa tulisan sejarah yang ditulis oleh beberapa tokoh penting, samada sebagai pendokong dan penjuang PKMM sendiri ataupun oleh penulis-pengkaji yang menggunakan kaedah temubual dengan pendokong dan pejuang PKMM itu sendiri. Kaedah ini terpaksa digunakan kerana dokumen-dokumen telah dirampas oleh polis sewaktu pejuang-pejuang PKMM ditahan ataupun termusnah kerana peredaran masa. Rekod-rekod British pula masih belum dibuka untuk kajian umum pada tahun 1960-an, sewaktu minat mengenai golongan radikal oleh para pengkaji begitu meluap sekali. Para pengkaji barat pula tersekat dengan kesuntukan masa penyelidikan dan penggunaan bahan-bahan tempatan kerana kegagalan untuk menguasai bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang

menjadi tulisan rasmi masyarakat Melayu sebelum merdeka. Hambatan-hambatan ini menjadikan mereka tidak mampu untuk melahirkan satu perspektif tempatan dan seimbang.

Pengaji-pengkaji tempatan mempunyai kelebihan yang banyak berbanding dengan pengkaji luar. Kesempatan yang banyak terbuka ini boleh melahirkan satu pandangan yang berbeza daripada pendapat yang telah sedia ada mengenai PKMM. Pengkaji masa kini juga telah terpisah daripada segala rasa simpati terhadap golongan tertentu. Kajian pada hari ini mampu melahirkan satu keaslian jika kita rajin menggunakan sumber-sumber tempatan, yang digabungkan bersama dengan pemahaman yang lebih objektif mengenai disiplin sejarah dan sejarah masyarakatnya. Pemahaman kepada budaya tempatan juga menjadi satu eset penting untuk memahami gelora politik dan gerakan kebangsaan masyarakat Melayu. Dengan hal seperti inilah, saya ingin melahirkan beberapa pandangan baru terhadap PKMM.

#### **PENUBUHAN PKMM**

Dalam kebanyakan historiografi mengenai PKMM, parti ini sentiasa dilihat sebagai satu parti yang muncul secara spontan hasil daripada reaksi orang Melayu radikal terhadap penjajahan British di Semenanjung. Hampir kebanyakan kita menerima pandangan ini, walaupun ada satu penyelidikan yang telah membincangkan hal ini, tetapi ia amat jarang digunakan dalam historiografi gerakan politik dan kebangsaan Malaysia. Buku yang dimaksudkan ialah *The Masked Comrades*, tulisan Cheah Boon Kheng (Times Book International, Singapore, 1978). Sebuah buku lain yang menulis mengenai PKMM daripada kacamata seorang pengasas dan penjuangnya juga mengakui secara peribadi mengenai kemunculan PKMM itu namun begitu ramai pengkaji, terutama pengkaji tempatan yang tidak mengambil kira pendapat ini, walaupun menerima fakta-fakta lain daripada tokoh yang sama. Buku yang dimaksudkan ialah Ahmad Boestamam dan bukunya ialah *Merintis Jalan Ke Puncak* (Pustaka Kejora, K. Lumpur, 1972.)

Pendapat yang telah diutarakan oleh kedua-dua buku ini ialah PKMM telah diasaskan dan dipengaruhi oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Ahmad Boestamam secara peribadi mengaku dan menceritakan bagaimana PKM melalui orangnya, pimpinan Mokhtaruddin Lasso, ketua pasukan Melayu dalam PKM mencadangkan sebuah mesyuarat untuk menubuhkan sebuah parti radikal dikalangan orang Melayu bagi menentang penjajahan dan penindasan politik British. Parti ini juga bertujuan untuk menjadi satu organ untuk melahirkan kesedaran politik yang progresif di kalangan orang Melayu. Pihak PKM yang telah merampas akhbar *Suara Rakyat* yang diterbitkan oleh golongan radikal Melayu Perak itu dan seterusnya membiayai

dan menguruskan perjalanannya, telah mencadangkan parti itu dinamakan Parti Sosialis Malaya. Ahmad Boestamam menamakan ia sebagai Parti Kebangsaan Melayu Malaya bagi mengelakkan imej kekikiran yang terlalu menonjol. Ini dipersetujui.<sup>1</sup>

Parti Komunis Malaya mengambil inisiatif ini kerana memenuhi satu perancangan yang telah dibuatnya lebih awal. Parti itu melihat peluang untuk menubuhkan sebuah republik komunis di Tanah Melayu selepas pemergian Jepun. Hal ini memang menjadi impian PKM sejak penubuhannya pada tahun 1930. Kerjasama yang diberikan oleh British dengan memberi bantuan senjata, latihan dan kepercayaan yang kuat semasa pendudukan Jepun dalam pasukan Malaya Anti Japanese Army (MPAJA), memberi kekuatan kepada PKM. Sebelum kemasukan semula British melalui British Military Administration (BMA) pada 12 September 1945, PKM melalui pasukan Bintang Tiganya telah mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu selama 14 (ada yang mengatakan 13) hari dan menjalankan pentadbiran ala tentera. Maka tindakannya merampas *Suara Rakyat* dan memaksa penubuhan PKMM dilakukan dalam tempoh ini.

#### PERLEMBAGAAN PKMM

Sebuah konsep yang dinamakan *Malayan United Front*, telah diadakan oleh jawatankuasa pusat PKM, bagi melaksanakan satu dasar secara perlembagaan dan politik dalam mempengaruhi dan menyebarkan idea komunisme dikalangan penduduk tempatan, terutama di kalangan orang Melayu. Beberapa dasar telah dirancang, antaranya:

- a) menyerap masuk ke dalam mana-mana parti atau persatuan politik atau pertubuhan.
- b) bergaul mesra dengann anggota masyarakat dalam aktiviti-aktiviti sosial, kebudayaan dan keagamaan.
- c) menyusup masuk ke dalam kesatuan sekerja atau menggalakkan penubuhannya bagi melahirkan gerakan massa.
- d) menggunakan cara yang lembut dan berpelembagaan dalam sebarang tindakan.

Langkah-langkah seperti ini dilakukan bagi membolehkan PKM mendapatkan kerjasama daripada semua bangsa dan daripada semua lapisan masyarakat. Kedudukan PKM yang masih lagi halal memudahkan pergerakan ini. Konsep *Malayan United Front*nya itu mahu dicapai dengan cara yang lembut dan berpelembagaan; ini mudah dilakukan kerana PKM adalah kawan British yang masih halal disegi perundangan British. Sehingga bulan Julai 1948, berita mengenai PKM diakhbar-akhbar *Inggerts* dan

Melayu cukup banyak sekali. Parti itu juga mempunyai akhbarnya sendiri yang bebas mengutarakan pendapatnya.

Oleh kerana PKMM termasuk sebagai salah satu perancangan PKM, maka penyerapan dan pengawalan PKM dalam PKMM adalah jelas sekali. Jika dilihat dari segi keanggotaan jawatankuasanya, ternyata PKM menguasai PKMM. Ini kerana presidennya ialah Mokhtaruddin Lasso, Bendaharinya adalah Arshad Ashaari, manakala Jawatankuasa kerja yang lain adalah Rashid Maidin dan Abdullah C.D, yang merupakan ahli komunis, manakala Musa Ahmad, Baharuddin Latif dan Shamsuddin Salleh dikatakan bersifat sosialis. Golongan radikal Melayu hanya mendapat jawatan yang kurang penting seperti Naib President (Dr. Burhanuddin Al Helmy), Setiausaha (Dahari Ali), Ketua Pemuda (Ahmad Boestamam) dan Ketua Wanita (Aishah Ghani). Ini semata-mata untuk mengimbangkan pengaruh PKM yang tidak mudah diketepikan dalam PKMM diperingkat awal penubuhannya itu.

Pengaruh PKM juga jelas dalam perlembagaan PKMM yang dideraf pada tahun 1945 itu. Terdapat persamaan yang nyata dalam objektif-objektif PKMM ditubuhkan. Malah, objektif-objektif PKMM itu juga disetengah-setengah tempat menggambarkan strategi dan dasar PKM. Untuk lebih jelas diturunkan objektif PKMM:

- 1) Mempersatukan bangsa Malaya, menanamkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya dalam keluarga besar iaitu Republik Indonesia Raya.
- 2) Bertujuan mencapai hak kemerdekaan berpidato, bergerak, bersidang, berfikir dan menuntut pelajaran.
- 3) Membangkitkan kedudukan iktisad bangsa Melayu dengan jelas, memajukan perusahaan, perniagaan dan pertanian serta menaikkan taraf penghidupan bangsa Melayu.
- 4) Mencapai kebebasan bercucuk tanam. Orang yang hendak bercucuk tanam itu dibebaskan membayar sewa tanah pada bila-bila masa dan di mana juga dan dibebaskan pula menjual hasil usahanya itu dipasar perniagaan.
- 5) Mengkehendaki diberi kebebasan penuh kepada orang Melayu mendirikan sekolah kebangsaan mereka, iaitu tempat mereka dapat belajar dengan bahasanya dengan percuma.
- 6) Mengkehendaki kebebasan mencetak buku sendiri, menggalakkan pelajaran secara demokrasi, supaya meninggikan kedudukan bangsa Melayu dalam siasah untuk mendakyahkan rasa kebangsaan kepada orang Melayu.

- 7) PKMM hendak bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain yang tinggal dalam negeri ini hidup berbaik-baik dan bekerja untuk mendirikan perpaduan penduduk Malaya (Malayan United Front) bagi menjadikan Malaya Merdeka makmur dan berbahagia sebagai satu anggota Republik Indonesia Raya.
- 8) Menyokong umat Indonesia dalam perjuangan mereka merebut kemerdekaan<sup>2</sup>.

Bahagian pertama tujuan (1) PKMM itu adalah selari dengan tujuan (7) PKMM. Objektif PKMM (1) ialah 'untuk mempersatu padukan bangsa Malaya' itu diperkuatkan dalam tujuan (7) yang mengatakan PKMM hendak bekerjasama dengan semua bangsa-bangsa yang tinggal dalam negeri ini dan bekerja untuk mendirikan perpaduan penduduk Malaya (Malaya United Front) bagi menjadikan Malaya Merdeka makmur dan bahagia... Ini bererti, PKMM mempunyai tugas untuk menggerakkan orang Melayu ke arah satu kesatuan dengan penduduk-penduduk daripada berbagai bangsa supaya rancangan *Malayan United Front* PKM dapat dicapai dengan cara yang teratur. Untuk menyakinkan peri pentingnya orang Melayu menerima dasar itu, dasar itu dijadikan sebagai satu tujuan utama PKMM iaitu menyatukan bangsa Malaya.

Untuk menimbulkan kekeliruan, tujuan (1) itu juga dikaitkan dengan usaha untuk 'menanam semangat kebangsaan bangsa Melayu dan menyatukan Malaya dalam Republik Indonesia Raya'. Ini bermakna ada tiga tujuan utama dalam objektif (1) PKMM ini; iaitu untuk:

- i) untuk menyatukan penduduk Malaya.
- ii) melahirkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu.
- iii) Malaya akan disatukan ke dalam Republik Indonesia Raya.

Ketiga-tiga tujuan itu nampaknya sentiasa diselitkan dalam ayat yang berbeza-beza tetapi dalam penekanan yang tetap sama. Walaupun terdapat soal-soal memajukan ekonomi, kebajikan, pendidikan, kebebasan bersuara serta pertanian orang Melayu, namun sebagai sebuah badan politik, tujuan politik PKMM, yang sentiasa menekankan perpaduan di kalangan penduduk berbagai bangsa bagi mencapai Malaya Merdeka yang makmur, melahirkan kesedaran politik Melayu dan keanggotaan Tanah Melayu ke dalam Republik Indonesia Raya, adalah merupakan ideologi atau isu perjuangan yang penting mendasari pengembangan dan pencapaiannya.

Kekeliruan itu sengaja di wujudkan kerana imej PKMM sebagai parti politik Melayu yang bekerja untuk kepentingan orang Melayu patut ditonjolkan oleh parti itu. Ini semata-mata untuk mendapat sokongan daripada orang Melayu yang dahagakan persatuan politik untuk bergerak

semula selepas dibekukan oleh Jepun, yang mengharamkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) enam bulan selepas pentadbirannya berjalan di Semenanjung. Pengharaman itu dibuat untuk mengelakkan orang Melayu menuntut kemerdekaan. Jepun hanya menggalakkan persatuan-persatuan yang menyokong Jepun seperti Giyu gun, Giyu Tai, Persatuan Anti Komunis dan Barisan Pemuda Melayu di Perak. Hanya menjelang akhir 1945, pemimpin radikal Melayu, Ibrahim Haji Yaakub berjaya mendapatkan kemerdekaan di bawah Republik Indonesia Raya dengan persetujuan Sukarno. Namun, ini tidak kesampaian kerana Jepun menyerah tanpa syarat secara mendadak pada 15 Julai 1945. PKMM dengan itu dilihat sebagai satu sambungan kepada perjuangan yang tidak selesai itu. Oleh itu, imej PKMM sebagai parti Melayu patut diadakan. Gabungan dengan Indonesia Raya juga diselitkan untuk mendapat simpati golongan radikal yang memang memperjuangkannya idea itu sejak dari zaman KMM lagi. Namun, Parti Komunis Malaya juga perlu menyatakan matlamat politiknya dalam menubuhkan PKMM, iaitu mahu melahirkan sebuah negara Malaya yang merdeka dengan perpaduan berbilang bangsa dan bukan bangsa Melayu sahaja. Ini memang dilakukan untuk memenuhi dasar *Malayan United Front* yang telah dirangka lebih awal daripada penubuhan PKMM. Dengan itu ketiga-tiga tujuan itu disatukan bagi menyampaikan kehendak semua pihak.

Kekeliruan memang wujud akhirnya di kalangan pengkaji sejarah. Firdaus Abdullah, dalam bukunya *The Radical Malay Politics, Its Origin and Development*, telah menyatakan tujuan (a) PKMM ialah 'mempersatukan bangsa Melayu'. Ini juga dilakukan oleh Ariffin Omar dalam bukunya *Bangsa Melayu*. Kedua-dua mereka mungkin melihat ia sebagai satu kesalahan menaip; ini kerana dilihat daripada tulisan tentang perlembagaan PKMM itu memang 'typing error'nya terlalu banyak. Pengkaji-pengkaji itu juga mungkin melihat ada sesuatu yang tidak begitu jelas dalam tujuan (a) itu; ini kerana pada permulaan ayatnya ia mengatakan 'menanamkan semangat kebangsaan dalam sanubari orang Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya di dalam keluarga besar iaitu Republik Indonesia Raya'. Terdapat hal-hal yang tidak selari dengan ayat pertama; oleh itu jika dikatakan 'mempersatu padukan bangsa Melayu' itu adalah lebih selaras dengan ayat-ayat yang lain dalam tujuan (a) itu. Inilah yang mempengaruhi mereka untuk mengubah perkataan 'bangsa Malaya' kepada 'bangsa Melayu' tanpa melihat senario politik selepas perang dan penguasaan PKM dalam pentadbiran Tanah Melayu dan agenda PKM untuk membentuk satu *Malayan United Front*, seperti yang dinyatakan dalam tujuan (g) PKMM. Ketiganya, ada kemungkinan mereka telah terbiasa dengan pendapat atau anggapan yang mengatakan PKMM adalah sebuah parti Melayu; oleh itu

apabila terbaca sesuatu yang tidak selari dengan tanggapan umum itu, mereka menjadi terkeliru; lalu membetulkannya selari atau sesuai dengan tanggapan umum hari ini.

Seorang pengkaji lain pula telah menyebut persamaan tujuan PKM dan PKMM dalam beberapa bilangan yang lain. Menurut Cheah Boon Kheng terdapat persamaan dalam objektif nombor 2,3, dan 5 PKMM dengan nombor 4,6,7 dan 8 PKM. Ketiga-tiga objektif itu menekankan perlunya kebebasan dalam pidato, bergerak, berfikir dan menuntut pendidikan. Ini sebenarnya memang menjadi pegangan mana-mana parti politik yang menuntut kebebasan bersuara sebagai satu hak asasi manusia. Untuk menjaga perhubungan baik dengan orang Melayu, PKM mengakui perlunya satu usaha untuk membantu dan menggalakkan kemajuan ekonomi, pendidikan dan adat istiadat serta agama Islam di kalangan masyarakat Melayu. Ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan daripada orang Melayu terhadap PKM dalam cita-cita untuk memenuhi dasar *Malayan United Frontnya*. Keselarasan di antara PKM dan PKMM dalam hal-hal kebajikan dan perlindungan keatas orang Melayu ini adalah sebagai tanda kerjasama yang jelas di antara keduanya.

Satu lagi kekeliruan yang ditimbulkan oleh Rang Undang-undang PKMM 1946 ini ialah cita-cita untuk memasukkan Semenanjung Tanah Melayu ke dalam Republik Indonesia Raya. Hasrat ini terdapat dalam tujuan nombor 1 dan 8 PKMM. Apa yang ingin ditimbulkan di sini ialah bagaimanakah PKM boleh membiarkan PKMM memasukkan tujuan ini? Ini kerana jika tujuan akhir PKMM ialah untuk bergabung dalam Republik Indonesia Raya, dengan sendirinya PKM akan tenggelam. Mungkinkah PKM membiarkan hal ini dimasukkan demi untuk mengabui mata orang Melayu radikal terhadap niatnya untuk menguasai PKMM. Atau adakah ia sebuah tindakan sementara bagi mengelakkan krisis yang mungkin timbul jika kehendak radikal Melayu ditolak oleh PKM, maka dengan itu niatnya untuk mempengaruhi golongan radikal Melayu dan orang Melayu umumnya akan terbantut?

Dipihak PKMM pula, adakah kemasukan cita-cita ini untuk menunjukkan bahawa mereka mempunyai matlamat tersendiri dengan penubuhan PKMM itu? Atau ia satu tanda bahawa PKMM tidak mahu dikuasai oleh PKM? Atau ada satu strategi yang terselindung sebaliknya. Mengikut seorang pemimpin PKMM Selangor, Yahya Nazim, kerjasama dengan PKM itu adalah sementara sahaja kerana akhirnya nanti dengan sokongan daripada 65 juta penduduk Indonesia Raya, PKM akan dapat dikalahkan dengan mudah. Hal ini juga selalu dibangkitkan oleh Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin yang melihat satu cara untuk orang Melayu menjadi kuat dan agung semula seperti kerajaan Sri Vijaya, Majapahit dan Melaka ialah dengan gabungan

semua baka Melayu Nusantara dalam konsep Melayu Raya. Dr. Burhanuddin, yang memang terkenal dengan pegangan konsep Melayu Rayanya itu telah menyatakan dengan tegas dalam buku-bukunya yang bertajuk *Perjuangan Kita*, 1946 dan *Falsafah Kebangsaan Melayu*, 1951<sup>3</sup>.

Saya kira untuk mencari jalan tengah bagi menentang penjajahan British, isu ini iaitu membentuk Melayu Raya ataupun Republik Indonesia Raya diketepikan buat sementara; namun ia perlu dimasukkan dalam tujuannya sebagai satu strategi politik PKM dan PKMM untuk mendapat sokongan orang Melayu menyertai PKMM yang dipergaruhi oleh PKM ini.

### **SOKONGAN KEPADA MALAYAN UNION**

Malayan Union merupakan satu episod sejarah yang penting dalam sejarah negara. Kesemua kita sedar tentang cerita bagaimana orang Melayu menentang Malayan Union yang dilihat sebagai satu penjajahan keatas Tanah Melayu dan satu rancangan politik yang mencabut tradisi kerajaan dan ketuanan Melayu di negara ini. Kajian telah dibuat mengenai hal ini dengan begitu banyak sekali.

Namun dalam kajian-kajian itu tidak dibincangkan sokongan PKMM dan PKM kepada rancangan Malayan Union. Sokongan kedua-dua parti ini terdiri dari beberapa sebab yang sama. PKMM dalam kenyataan akhbarinya pada 3 Februari 1946 menyatakan 'PKMM bersetuju dengan Malayan Union yang dipersetujui oleh Rakyat jelata'. Malah dalam persidangannya pada 30 November 1945, sokongan itu telah dinyatakan dengan tegas. Sokongan ini diperkuatkan lagi dengan sebuah telegram PKMM kepada Pejabat Tanah Jajahan, yang berbunyi:

The MNP reiterates its original stand for a representative democratic form of Malayan Union, popular voting and election, common citizenship and common allegiance to the Malayan Union.<sup>4</sup>

Parti Komunis Malaya (PKM) pula bersifat sinis dengan mengatakan Malayan Union tidak cukup memberi kebebasan atau kemerdekaan kepada rakyat, Katanya:

The so called Malayan Union has not odour of democracy or self government. Politically, culturally and militarily being under the supervising control of Singapore, the Malayan Union permanently will be confined to a subordinate position... it will be the slave house of big British financiers and capitalists<sup>5</sup>

Parti Komunis Malaya dengan itu berkehendakkan lebih daripada sebuah Malayan Union yang dikawal oleh British; ia mahukan kemerdekaan Tanah Melayu. Namun pada dasarnya pengenalan Malayan Union adalah



langkah permulaan yang dianggapnya tidak cukup memerdekakan Tanah Melayu. Dalam erti kata lain PKM menyokong Malayan Union dan menuntut sesuatu yang lebih baik dari itu.

Sokongan kepada Malayan Union oleh kedua parti ini berpunca dari faktor-faktor yang sama. Bagi PKMM, antara sebab-sebab itu ialah:

- a) maka dengan jalan Malayan Union demokrasi akan muncul, PKMM berharap pada masa akan datang wakil-wakil rakyat dalam majlis-majlis kerajaan, pangkat dan gelaran kebangsaan ... akan menjadi pusaka rakyat jelata.<sup>6</sup>
- b) cara pemerentahan yang akan sebenarnya akan didapati<sup>7</sup>.
- c) bahasa Melayu akan menjadi bahasa resmi bagi pemerintahan Malayan Union bersaing dengan bahasa Inggeris kerana bahasa Melayu itu menyatupadukan penduduk Tanah Melayu<sup>8</sup>.
- d) Malayan Union akan membawa satu persatuan yang kuat bagi negeri-negeri Melayu dan bangsa Melayu<sup>9</sup>.
- f) penyatuan dalam pentadbiran agama Islam.

Bagi Parti Komunis Malaya pula, sokongan terhadap struktur pentadbiran Malayan Union itu ditunjukkan dengan rasa tidak puas hati terhadap British yang tidak memberi kebebasan politik kepada Malayan Union dan Singapura. Dalam satu kenyataannya, PKM menyatakan:

Now that peace has come and Malayan have been clamouring for the enforcement for the United Nations Charter and the Atlantic Charter. They have been asking for democracy, self-determination and self-government, but the British continues stubbornly to carry out its colonial policy and applies pressure on the people. This sort of imprealisme not only endangers the democratic rights and happiness of the Malayan but also threatens peace in the Far East... All Malaysians are taxpayers and bear the duty of defending peace in Malaya... More than half of the Malaysians will not be able to require citizenship if the requirement of residing ten years in Malaya is adhered to. It is needless to say that knowledge of any languages should not be made a qualification for admission to the Legislative Council.<sup>10</sup>

Dalam masa yang sama akhbar-akhbar Cina dan orang Cina serta India pada keseluruhannya menerima kerakyatan Malayan Union dengan gembira. Seperti kata Cheah Boon Kheng:

They welcomed it whole-heartedly. Chinese press comments-Sin Chew Jit Poh and the pro-communist Sin Min Chu (New Democracy) of 24 January and the Hua Ch'loa (Overseas Chinese) of 26 January-ranged between scepticism of the Malayan Union's practicability and expressions of satisfaction about the proposed citizenship rights.<sup>11</sup>

Satu hal yang dibantah oleh masyarakat Cina ini ialah perpisahan Singapura dari Malayan Union. Ini kerana pemisahan Singapura bererti kekuatan penduduk Cina di Tanah Melayu akan menjadi kurang, di samping pelaburan mereka yang mungkin terjejas kerana perbezaan undang-undang dan sebagainya. Bagaimanapun, mereka juga sedar dengan peruntukan kerakyatan Malayan Union untuk menerima sesiapa sahaja yang lahir di Singapura untuk menjadi rakyat Malayan Union.<sup>12</sup>

Parti Kebangsaan Melayu Malaya juga dalam masa yang sama senada dengan PKM dalam penganalisisannya terhadap Malayan Union. Kata Ahmad Boestamam, seorang pemimpin PKMM yang penting, bahawa:

British telah tipu kita maka kita sudah diajar menipu dalam politik...maka lebih baik kita... tuntutan Malaya Merdeka ... lagi sekali PKMM menjelaskan kita tuntutan merdeka, habis perkara.<sup>13</sup>

Sokongan kepada kerakyatan jus soli Malayan Union juga diterima oleh PKMM sebagai satu pendirian politiknya dalam menyokong Malayan Union. Sokongan kepada kerakyatan itu telah dinyatakannya pada bulan November 1945. Akibatnya, British telah menjemput perwakilan PKMM untuk berbincang dengan British pada 24 Januari 1946 dan sekali lagi pada 29 April 1946. Dalam pertemuan-pertemuan itu PKMM yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin meminta supaya kerakyatan jus soli itu diperpanjangkan kepada seluruh Kepulauan Melayu bagi membolehkan rakyat Indonesia dan Alam Melayu diterima menjadi rakyat Malayan Union. PKMM juga menyokong rakyat secara Naturalization dalam Malayan Union, tetapi ia harus diputuskan oleh 'govenor-in-council'<sup>14</sup>.

Sokongan ini bertentangan dengan sikap kebanyakan orang Melayu yang menentang Malayan Union. Penentangan mereka telah dilakukan sejak bulan November 1945 dengan satu perarakan di Kota Bharu, Kelantan. Ini kemudian diikuti dengan perarakan di Alor Star dan Johor Bahru pada bulan Januari 1946. Demonstrasi orang Melayu ini menyedarkan keadaan nasib orang Melayu dalam Malayan Union; maka ia telah menggalakkan satu tentangan yang sangat menyeluruh daripada orang Melayu Semenanjung melalui telegram dan surat rayuan ke Pejabat Tanah Jajahan, surat terbuka diakhbar-akhbar tempatan dan penubuhan persatuan-persatuan bagi menjadi badan bersatu menentang Malayan Union.<sup>15</sup> Akhbar-akhbar Melayu dan Inggeris juga memainkan peranan sebagai penyebar dan penggalak perasaan penentangan kepada Malayan Union. Raja-raja Melayu juga telah menunjukkan kesedaran mereka terhadap keterlanjuran mereka menyerahkan negeri dan bidang kuasa mereka kepada Raja England. Penentangan orang Melayu kepada Malayan Union boleh dianggap sebagai

kemuncak kegiatan nasionalisme Melayu yang telah bermula dari awal kurun ke 20 itu.

### **PKMM MENGANGGOTAI KONGRES MELAYU 1946.**

Sebagai satu Strategi untuk mendapatkan kepimpinan masyarakat Melayu, PKMM menyertai Kongres 1946, yang berlangsung pada 1-4 Mac 1946. Sehari sebelum Kongres itu, penyertaan PKMM telah ditolak kerana pengaruh PKM yang jelas terhadapnya. Ia juga menolak kehendak Parti Komunis Melayu cawangan Selangor, sebuah persatuan yang tiba-tiba muncul, untuk menyertai Kongres tersebut. Bagaimanapun, demi memikirkan perpaduan Melayu permohonan PKMM diterima. Ia tidak 'merah' dengan jelas seperti Parti Komunis Melayu cawangan Selangor.

Ada beberapa sebab mengapa PKMM berubah haluan. Ramai pengkaji yang berpendapat ia sebagai satu kesedaran yang jelas dari PKMM. Ini kerana jika dilihat daripada pengakuan Ahmad Boestman dan Dr. Burhanuddin, ternyata kesedaran itu adalah semata-mata untuk perpaduan orang Melayu dan keinginan untuk membela nasib orang Melayu yang tertekan dalam Malayan Union. Mereka juga tidak berpuas hati dengan cara British mengambil tandatangan Raja-Raja Melayu. Malayan Union juga tidak dianggap demokratik. Tidak ada kekesalan PKMM kerana Singapura tidak dimasukkan ke dalam Malayan Union ataupun kerakyatan sama rata Malayan Union, seperti didakwa oleh seorang pengkaji. Seorang pengkaji lain pula menegaskan perubahan sikap PKMM itu kerana kekecewaan PKMM terhadap Malayan Union yang disedarinya tidak akan memberi kerajaan sendiri dengan segera<sup>16</sup>.

Satu hal yang tidak diperjelaskan di sini ialah strategi PKMM itu sendiri. PKMM nampaknya menjalankan satu strategi talam dua muka terhadap rancangan Malayan Union ini. PKMM, yang dipimpin oleh mereka yang pernah terlibat dalam KMM, telah menjalankan dasar berkerjasama dengan Jepun, demi untuk mendapatkan kedudukan yang baik dalam pentadbiran Jepun. Memang tidak dinafikan, Ahmad Boestaman dan Dr. Burhanuddin dalam menerangkan kerjasama itu, telah mengatakan ia adalah satu strategi untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Walaupun, dengan keadaan ini mereka telah keluar dari dasar menentang penjajahan British sebelum itu.

Kerjasama dengan Jepun itu kemudian diteruskan di zaman British. Ia untuk mengelakkan mereka ditangkap oleh British kerana kerjasama yang sangat jelas dengan Jepun (Raja-raja Melayu yang bersekutu dengan Jepun telah di turunkan tahta seperti Sultan Musa Eddin di Selangor dan Sultan Ali di Terengganu dan beberapa orang Sultan yang menaiki tahta di zaman pendudukan Jepun telah diancam untuk diturunkan tahta jika tidak

bekerjasama dengan British dan menerima Malayan Union); dengan sebab itu PKMM sejak awal lagi telah menyokong Malayan Union sebaik-baik sahaja diisytiharkan oleh Parlimen British.

Namun, PKMM menjadi kera sumbang<sup>17</sup> apabila keseluruhan orang Melayu menentang Malayan Union dengan jelas diantara bulan Januari sehingga Mac 1946. Sebagai sebuah parti yang mengaku berjuang untuk orang Melayu, tindakan PKMM menyokong Malayan Union tentulah tidak wajar sama sekali. Maka sebagai strategi untuk mendapat pengaruh dan kepimpinan masyarakat Melayu seperti harapan Parti Komunis Malaya semasa penubuhan PKMM, campurtangan PKMM dalam Kongres Melayu 1946 adalah wajar sekali. Dengan menganggotainya, PKMM dapat menunjukkan kepada orang Melayu Semenanjung bahawa PKMM berserta dan bersama-sama menentang Malayan Union yang dianggap sebagai satu penghapusan sistem kebudayaan dan politik Melayu di Semenanjung.

Sokongan PKMM kepada Kongres 1946 hanya bertahan selama lebih kurang tiga bulan sahaja. Setelah sama-sama menandatangani Piagam UMNO 1946 dan mengasaskan UMNO di Johor Bahru dan menyatakan sokongannya kepada pemimpin UMNO, terutama Dato' Onn<sup>18</sup>, PKMM menarik diri dari UMNO dalam persidangan agung di Ipoh, Perak pada 26 Jun 1946 secara rasmi. Ia dibuat oleh Ahmad Boestaman dan Ishak Haji Mohamad tanpa perbincangan dengan Dr. Burhanuddin dan pemimpin lain PKMM. Mereka mengiyakan sahaja tindakan itu sebagai satu tindakan wajar.

Penarikan diri ini ternyata menggambarkan penolakan PKMM terhadap UMNO sebagai satu badan politik orang Melayu yang diyakininya dapat menumbangkan Malayan Union ataupun sebagai sebuah parti politik yang progresif dan akan menuntut kemerdekaan negara. Kenyataan-kenyataan pemimpin-pemimpin PKMM dalam *Pelita Malaya* menggambarkan hal ini. Antaranya:

- a) perbezaan pandangan politik di antara PKMM dengan UMNO sekarang jauh bertentang. Sementara kita mahu kemerdekaan seratus peratus bagi Malayan UMNO hanya mahu kembali kepada status quo saja.
- b) mustahil dengan undi dua suara itu kita boleh mengubah pandangan kira-kira 50 buah badan lain-badan-badan kanan belaka. Sebaliknya kita berada diluar UMNO, kita bebas bergerak memperjuangkan cita-cita kita<sup>19</sup>.
- c) kita bimbang pemimpin-pemimpin kebangsaan Melayu itu berani bawa tetapi tidak berani tanggung<sup>20</sup>.

- d) kabus itu akan hilang dengan sendirinya apabila matahari naik memancar cahayanya atau lain-lain perkataan bantahan sebilangan besar umat Melayu itu hanyalah berkesan bagi sementara saja. Pendeknya Malayan Union akan tetap berjalan terus<sup>21</sup>.
- e) sekarang umat Melayu tidak sayugia membicarakan apa yang harus dibuat oleh kerajaan British kepada bantahan orang Melayu. Umat Melayu bolehlah menaruh keyakinan yang penuh kepada keadilan kerajaan British yang saksama dan bijaksana<sup>22</sup>.
- f) saya mengusulkan supaya PKMM, berdasarkan penolakan shornya tentang bendera itu, menarik diri keluar dari UMNO<sup>23</sup>.

Apa yang dapat diperjelaskan dari petikan ini ialah penarikan diri PKMM dari UMNO berpunca daripada beberapa sebab. Namun, sebab dasar yang boleh ditafsirkan disini ialah kegagalan PKMM untuk mengubah pendirian UMNO untuk menjadi sebuah parti radikal seperti PKMM. Ahmad Boestamam, penggerak utama penarikan diri ini, dalam pengakuannya telah mengatakan bahawa tidak mudah untuk PKMM mengubah UMNO dengan keanggotaan UMNO yang terlalu banyak bersifat kanan. Dalam erti kata lain, PKMM melihat peluang untuk menguasai kepimpinan UMNO tidak mudah dilakukan kerana pengundi-pengundi dalam UMNO telalu memihak kepada kepimpinan tradisional yang bersifat kanan, kerana itu selari dengan pendirian mereka. Walaupun Ahmad Boestamam mengatakan mereka cuma kalah satu undi dan mengatakan 'setidak-tidaknya keputusan satu undi itu menunjukkan dengan sendirinya betapa besarnya pengaruh kami yang hanya satu badan sahaja' namun, PKMM secara jelas sedar peluang untuk mendapatkan kepimpinan UMNO adalah sangat tipis sekali<sup>24</sup>.

Parti Komunis Malaya (PKM) sejak dari awal lagi menyokong undi yang lebih kepada PKMM dalam UMNO. Parti itu dalam kenyataan akhbarnya yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diterbitkan dalam *Pelita Malaya*, telah membidas UMNO sebagai sebuah parti yang konservatif yang menolak kemajuan perlembagaan moden yang diperkenalkan oleh Malayan Union. UMNO juga dianggap sebagai tidak bersifat demokratik kerana menyamakan sebuah persatuan besar seperti PKMM dengan persatuan-persatuan negeri yang lain dengan memberi dua undi sahaja. PKM mencadangkan PKMM diberi satu undi bagi setiap perwakilannya<sup>25</sup>; dengan itu terdapat enam atau tujuh undi dari PKMM dan dua undi dari persatuan-persatuan negeri Melayu yang lain. Maka, penarikan diri PKMM dari UMNO oleh Ahmad Boestamam adalah juga suara PKM yang melihat kehadiran PKMM tidak berkesan dalam UMNO.

### SOKONGAN PKMM KEPADA MALAYAN UNION

Strategi golongan radikal di zaman Jepun diulang semula oleh PKMM sebelum dan selepas keluar dari UMNO. Walaupun PKMM bersama-sama mengutuk Malayan Union dan menuduh British sebagai 'penipu' dalam Kongres Melayu 1946 dan menuntut 'merdeka penuh' tetapi sebelah kakinya tetap menyokong Malayan Union. Kata-kata yang manis mengenai Malayan Union jelas tercetak dalam akhbar rasminya, *Pelita Malaya*. Antaranya yang dapat dipetik ialah:

UMNO itu parti Hitler-lahir di Kg. Baru waktu Gabenor baru datang. Tujuannya terus terang mahu kasi jatuh raja-raja Melayu nampaknya parti ini ditubuhkan oleh orang-orang pelajar tinggi, anak baik-baik-bukan orang kaki lima macam aku.' (Hantu Raya-Ishak Haji Mohamad)<sup>26</sup>.

dan

'kedatangan Gabenor Malayan Union itu memang sudah sewajarnya disambut dan dialu-alukan dengan segala hormat dan *Pelita Malayan* dianggap kera sumbang kerana menyokong Malayan Union...pendirian kita tetap dan dengan besar hati kita mengalu-ngalukan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union.'<sup>27</sup>

dan

PKMM tetap menyambut Malayan Union dengan harapan yang tinggi kerana menolak Malayan Union bererti berbalik kepada aturan lama, rujuk kepada cara lama yang hanya memberi faedah kepada sekelompok orang Johor Bahru, orang Kelang dan orang Kuala Kangsar sahaja, bukan kepada rakyat jelata<sup>28</sup>.

Kesemua petikan ini merupakan rencana pengarang *Pelita Malaya* yang ditulis secara bergilir-gilir di antara Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestaman, Ishak Haji Mohamad dan seorang yang tidak terkenal. Kesemua tulisan seperti ini muncul bersama-sama dengan rencana-rencana mengenai Kongres 1946 dan bantahan orang Melayu terhadap Union; namun suara rencana pengarangnya adalah sangat mustahak kerana ia adalah gambaran pendirian PKMM terhadap Malayan Union itu. Kedua-dua bentuk tulisan pro dan kontra ini berlansung selama keanggotaan PKMM dalam UMNO, di dalam upacara perlantikan Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union pada bulan April dan selepas penarikan diri dari UMNO. Keadaan ini menunjukkan sifat 'talam dua muka' atau lebih sesuai dengan kata-kata Ahmad Boestaman sendiri iaitu sikap 'gergaji dua mata' yang dilaksanakannya di zaman Jepun. Beliau berbaik dengan MPAJA untuk mengelakkan diri daripada dibunuh dan dalam masa yang sama makan gaji dengan Jepun untuk mencari makan dan mendapatkan informasi bagi kepentingan MPAJA<sup>29</sup>.

Sokongan kepada Malayan Union ini sengaja dilakukan oleh PKMM demi untuk mencapai matlamat asalnya iaitu untuk mendapatkan satu bentuk kerajaan yang demokratik yang menuju kepada kemerdekaan dan pilihanraya yang memberi hak pentadbiran kepada rakyat. Hal ini disedari oleh PKMM hanya akan dilakukan oleh British melalui penjajahan ke atas Tanah Melayu. Kedudukan negeri sebagai pemerintahnya akan terhapus; ini akan membolehkan masyarakat baru disusun semula oleh British tanpa ada bentuk feudalisme yang memang ditolak oleh PKMM. Ini jelas daripada beberapa petikan di atas.

Parti itu menerima penjajahan British itu, walaupun dalam Kongres Melayu PKMM dengan lantang telah menuntut kemerdekaan penuh, seperti yang diluahkan oleh Ahmad Boestaman yang bercakap sebagai wakil PKMM dalam Kongres itu. Namun, dalam jarak waktu yang sama, *Pelita Malaya* mengatakan:

'Pada pukul 11 pagi, 1 April 1946 tamatlah riwayat Malaya sebagai sebuah negeri Melayu yang bernaung dibawah panji-panji kerajaan Britain<sup>29</sup>.

dan

Semenjak hari semalamlah juga Negeri-negeri Melayu sudah habis riwayatnya berganti dengan Gabenor Malayan Union sebagai wakil Duli Yang Maha Mulia King Raja Great Britain dan jajajah taktukannya<sup>31</sup>.

Sokongan PKMM kepada Malayan Union terbayang jelas dalam keseronokan PKMM menghantar beberapa orang pemberita mereka ke King's House, K. Lumpur untuk melaporkan upacara perhentian Edward Gent yang dianggapnya sangat gilang gemilang dan bersejarah. Sedangkan diwaktu yang sama beribu-ribu rakyat Melayu, semuanya memakai songkok berhilit kain putih dan berkabung<sup>32</sup>, berkumpul di Stesyen Hotel Kuala Lumpur untuk memujuk Sultan-sultan supaya tidak menghadiri upacara tersebut. Keputusan untuk menghalang mereka telah dibuat oleh UMNO dalam persidangan Kongres Tergempar di Kuala Lumpur pada 30 dan 31 Mac 1946. Wakil PKMM, Ibrahim Karim turut hadir. Namun, serampang dua mata PKMM tetap dijalankan.

Sebenarnya, PKMM cuba mengambil risiko yang tinggi dalam sokongannya terhadap Malayan Union dan kerjasamanya dengan Parti Komunis Malaya. Mereka berharap semuanya berjalan lancar, tetapi jauh disudut hati mereka terdapat keraguan yang jelas. Lihat perbualan di antara Ishak Haji Mohamad, salah seorang kuat PKMM dengan rakan yang tidak sehaluan dengarnya, yang dinamakannya Mat Radio. Dalam *Pelita Malaya*, ternyata adanya kegembiraan Hantu Raya (Ishak Haji Mohamad) terhadap penghapusan institusi raja Melayu dan bidang kuasanya, namun

kesan Malayan Union kepada orang Melayu tetap ada diingatannya. Menurut *Pelita Malaya*:

- Hantu Raya: Sekejap lagi kau tengok bukan main ramai lagi orang Melayu datang menuju mahligai aku. Dikopiah mereka itu berlilitkan kain putih. Kenapa orang-orang itu ber-kabung?
- Mat Radio: Sebab Negeri-negeri Melayu sudah mati.
- Hantu Raya: Mati! Mati sakit apa?
- Mat Radio: Sakit Politik!
- Hantu Raya: Habis apa akan jadi pada raja Melayu?
- Mat Radio: Oh, engkau buat tak tahu pulak-pungguk jatuh, belatuk tumpang matilah. Apa rasanya Malayan Union yang engkau sukakan itu?
- Hantu Raya: Rasanya? Macam mana boleh tahu, sebab pokok Malayan Union itu baru saja berbunga.
- Mat Radio: Jadi engkau berharap-harap benarlah hendak makan buah Malayan Union itu?
- Hantu Raya: Sudah tentu. Aku sudah tanam itu pokok begitu lama punya.
- Mat Radio: Kalau buah itu masam, macam mana?
- Hantu Raya: Aku buat sambal...
- Mat Radio: Tetapi jikalau buah itu belum masak sudah dimakan ulat?
- Hantu Raya: (aku terdiam).
- Mat Radio: Engkau, cakap saja pandai. Tengok semalam, bendera siapa yang banyak naik<sup>33</sup>.

Risiko ini sengaja diambil oleh PKMM kerana mengharapkan dengan sokongannya kepada Malayan Union, British akan berpihak kepadanya; ini kerana seperti yang telah disebutkan, PKMM meragui kebolehan orang Melayu menentang kekuasaan British. Dalam sejarah, orang Melayu selalu kalah ditangan British. Seperti kata PKMM, 'kabus itu akan hilang dengan sendirinya apabila matahari naik memancar cahayanya... bantahan umat Melayu hanyalah berkesan untuk sementara saja... Malayan Union tetap akan berjalan terus<sup>34</sup>. Kerjasamanya dengan PKM pula tidak dapat dielakkan kerana penubuhannya dibuat oleh PKM dan biaya *Pelita Malaya* di bawah perhatian PKM. Jawatankuasa PKMM juga dianggotai sama oleh ahli PKM seperti Musa Ahmad, Arshad Ashaari, Abdullah C.D. dan Rashid Maidin.

Dalam memorinya Ahmad Boestamam mengaku bahawa mereka mendapat panduan dan idea-idea mengenai ideologi politik daripada metronya iaitu Sutan Djenain. Sutan Djenain adalah perlarian politik Parti Komunis Indonesia yang memberontak pada tahun 1927. Setibanya di Taman Melayu beliau menetap di perkampungan Cina di Ampang. Ibrahim Haji Yaakob juga mengaku mendapat tunjuk ajar daripada Sutan Djenain. Malah nama Kesatuan Melayu Muda (KMM) adalah nama yang diberi oleh Sutan Djenain. Alahiah Ghani pula dalam memorinya telah mengatakan



pemimpin-pemimpin PKMM memasuki hutan di Ampang bersama beberapa orang Cina, sementara beliau tinggal beberapa hari di kebun sayur. Beliau menamakan Pak Santos sebagai orang yang selalu mendampingi pemimpin-pemimpin PKMM dan memberi ceramah politik kepada mereka. Seorang yang bernama Arsugi atau Arshad Ashaari menjadi perantara di antara PKMM dengan Pak Santos itu<sup>35</sup>. Pengaruh dan penguasaan PKM dalam PKMM tidak dapat dipertikaikan lagi.

#### **Gerakan menjatuhkan Dr. Burhanuddin.**

Jarang sekali dapat disedari bahawa terdapat satu krisis kepimpinan dalam PKMM yang didalangi oleh PKM. Mengikut Ahmad Boestamam di dalam bukunya *Merintis Jalan Ke Puncak*, sikap Dr. Burhanuddin yang terlalu lembut dan percaya kepada orang selalu menyebabkan PKMM menghadapi kesulitan. Dr. Burhanuddin juga dikatakan terlalu bertolak ansur dengan UMNO dan menyokong kepimpinan Dato' Onn dalam Kongres Melayu 1946. Cadangan Ahmad Boestamam untuk menubuhkan Kongres API sebagai tindakbalas kepada Kongres 1946 juga tidak dihiraukan oleh Dr. Burhanuddin yang melihat Kongres itu sebagai perpaduan orang Melayu yang memang diharapkannya selama ini<sup>36</sup>. Dato' Onn pula dianggap pemimpin besar yang telah menyelamatkan orang Melayu menentang Malayan Union<sup>37</sup>.

Ahmad Boestamam dengan itu telah merancang untuk menjatuhkan Dr. Burhanuddin sebagai presiden PKMM dalam pemilihan tahun 1947. Ahmad Bostamam bersama Ishak Haji Mohamad telah berpakat menasihati Dr. Burhanuddin supaya menjadi penasihat PKMM dan memberikan jawatan presiden PKMM kepada Ishak Haji Mohamad. Dr. Burhanuddin tanpa mengesyaki apa-apa muslihat menerimanya dengan mudah sahaja.

Parti Komunis Malaya juga merancang untuk menggantikan Dr. Burhanuddin dengan seorang yang lebih radikal dan tegas. Ini kerana kelembutan sikap Dr. Burhanuddin akan menenggelamkan PKMM. Arshad Ashaari dan Musa Ahmad telah dikatakan mempengaruhi pemimpin-pemimpin PKMM untuk menjalankan gerakan itu. Walaupun Ahmad Boestaman tidak melibatkan PKM dalam gerakan menjatuhkan Dr. Burhanuddin, namun sebagai seorang pemimpin API yang lebih radikal dari PKMM, kehendak Parti Komunis Malaya itu adalah selari dengan kehendaknya. Bagaimanapun, mengikut Ahmad Boestamam Dr. Burhanuddin tidak mudah dikalahkan; kesayangan pengikut PKMM kepadanya tetap kuat walaupun Ishak Haji Muhammad menjadi presidennya. Dr. Burhanuddin tetap utama dalam setiap perhimpunan PKMM. Kekuatan pengaruhnya juga terus jelas setelah penubuhan PUTERA yang bekerjasama dengan AMCJA menentang Perjanjian Persekutuan 1948. Ahmad Boestamam

dan PKM tidak dapat mengubahnya, walaupun berjaya mengawal dan mempengaruhi kepimpinan PKMM dan PUTERA.

### **PKMM DAN PKM DENGAN GOLONGAN AGAMA RADIKAL**

Gerakan radikal Melayu ini bergerak dengan jelas dalam kegiatan keagamaan dan hal-hal yang dikaitkan dengan kegiatan kumpulan tersebut. Dalam gerakan memajukan orang Melayu oleh golongan agama radikal ini, MATA (Majlis Agama Tertinggi Islam), LEPİR (Lembaga Pendidikan Islam Rakyat) dan PERPEMAS (Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya) telah ditubuhkan bagi mengembeling tenaga memajukan ekonomi, pendidikan dan keagamaan orang Melayu. Dalam mesyuarat pada 22 Mac 1947, pemimpin-pemimpin PKMM seperti Dr. Bhanuddin, Ishak Haji Mohamad, Ahmad Boestaman telah turut hadir. Anggota Parti Komunis Malaya seperti Rashid Maidin, Arshaad Ashaari dan Musa Ahmad telah turut hadir. Kerjasama golongan radikal dan komunis ini melambangkan satu kerjasama politik yang erat untuk menegakkan pandangan mereka, terutama dalam menentang UMNO, Raja-raja Melayu dan British.

Kehadiran mereka, di Madrasah IL Ihya Assyartiff Gunung Semanggul ini berlaku kerana beberapa perkara. Pertamanya ialah sokongan yang jelas daripada golongan pendidikan agama yang tidak diterima oleh British sebagai pegawai tadbir atau guru-guru sekolah Melayu ataupun Inggeris. Sistem pendidikan agama yang dilihat sebagai satu sistem pendidikan peribadi masyarakat Melayu berkembang tanpa bantuan kewangan, bangunan atau pun nasihat daripada British. Oleh kerana dianaktirikan, maka sistem ini berkembang sebagai satu sistem tersendiri dan terencil daripada dasar British. Maka tidak hairanlah penentangan daripada golongan ini terhadap British dan sekutunya berlaku dengan mudah.

Keduanya, kebebasan sekolah agama itu telah membolehkan ia menjadi pusat gerakan anti-British dan *establishment* masyarakat Melayu. Bukan sahaja Madrasah Gunung Semanggul yang terlibat tetapi juga banyak madrasah lain, terutama yang berfahaman Kaum Muda yang menentang golongan tua yang berkerjasama dengan pihak *establishment* Melayu. Madrasah Al-Mashhor, P. Pinang, Madrasah al-Ahmadiyah, Kelantan, Madrasah Dairatul Maarit, Kepala Batas, Madrasah al-Akhlak As-Salam, Guar Cempedak, Kedah dan Madrasah al-Diniah, Padang Rengas, Perak adalah diantara madrasah-madrasah yang penting. Ramai di antara pelajar dan guru madrasah ini yang menganggotai PKMM, API dan AWAS. Mereka dikatakan menganggotai kumpulan 'tentera semut' dan 'bara' sebagai pelapis pemimpin dan tentera API.

Pengaruh gerakan politik keagamaan Indonesia juga menjadi ikutan. Beberapa buah parti Indonesia yang berteraskan Islam seperti Parti Masjumi, Nahdatul Ulama dan Muhamadiyah telah menyebarkan pengaruhnya melalui ceramah-ceramah oleh tokoh-tokoh parti yang melawat madrasah-madrasah tertentu, di samping menyebarkan tulisan-tulisan keagamaan dan politik. Buku-buku ini menjadi bahan bacaan mereka yang tentunya kemudian mempengaruhi fikiran dan pandangan pelajar-pelajar di madrasah-madrasah tersebut. Penyerapan idea politik dan radikalisme di kalangan mereka tidak dapat dielakkan.

Hubungan peribadi Dr. Burhanuddin dan Ustaz Abu Bakar Al-Bakir dari Madrasah Gunung Semanggul sejak di zaman pendudukan Jepun juga menjadi satu peluang keemasan untuk PKMM dan PKM menggunakannya sebagai dasar kerjasama mereka. Dr. Burhanuddin yang menjadi Penasihat Adat Istiadat dan Agama Islam di Taiping, telah dikatakan dapat menyakinkan pihak tentera Jepun supaya tidak menggunakan madrasah itu sebagai markas tentera atau pusat pentadbiran. Dengan itu madrasah itu dapat terus berfungsi sebagai institusi agama yang dihormati oleh Jepun. Dr. Burhanuddin juga dapat melindungi orang Melayu di Taiping kerana hubungan baiknya dengan tentera Jepun. Kaliber beliau yang begitu tinggi di Taiping dan Ustaz Abu Bakar al-Bakir di Padang Rengas mempermudah kerjasama dan penyerapan golongan radikal dan komunis Melayu ke dalam gerakan radikal agama Islam di Gunung Semanggul itu.

Penubuhan Hizbul Muslimin (HM) adalah pada 14 Mac 1948, iaitu hari kedua persidangan MATA, LEPIR dan PERPEMAS yang berlangsung diantara 13 sehingga 16 Mac 1948. Penubuhan HM ini bertujuan untuk menggembeling tenaga politik Islam bagi menaikkan martabat politik orang Melayu yang dikatakannya telah diabaikan oleh UMNO. UMNO dilihat telah berkompromi dengan British kerana mendapatkan semula Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang tidak memberi kemerdekaan seperti yang diharapkan oleh PKMM, PKM dan sekutunya. Penubuhan HM juga boleh dikatakan sebagai satu perlawanan golongan radikal Melayu daripada dikuasai oleh Parti Komunis Malaya. HM diharap dapat menjadi sebuah parti yang bersih dan berteraskan Islam sepenuhnya<sup>30</sup>.

Namun, harapan ini hanyalah satu kata-kata politik sahaja. HM tidak dapat mengelakkan diri dari dipengaruhi oleh golongan radikal Melayu dan komunis kerana HM adalah satu pentas baru untuk golongan radikal menjalankan pencak silatnya. Kegagalan PKMM, PUTERA dan AMCJA menentang UMNO dan British dengan Perlembagaan Rakyatnya pada tahun 1947, menyebabkan mereka mencari badan baru untuk meneruskan kegiatan mereka. Kehadiran tokoh-tokoh PKMM yang hebat seperti diatas dan sekutunya daripada AMCJA menunjukkan HM menjadi medan baru untuk

mereka. Kebenaran untuk Gerald de Cruz daripada Malayan Democratic Party, untuk berucap pada malam harinya pula, sekali lagi menunjukkan HM tidak dapat lari daripada orang bukan Melayu yang berkerjasama rapat dengan golongan radikal Melayu, iaitu PKMM dan PUTERA. Kata seorang pengkaji:

Beliau (Dr. Burhanuddin) telah menyentuh soal perubahan-perubahan yang semestinya berlaku dalam golongan alim ulama di Tanah Melayu ini kerana ini akan memberi evolusi baharu juga dalam lapangan masyarakat, pelajaran dan ekonomi serta akhirnya menuju cita-cita murni dan suci. Cita-cita suci itu tidak lainlah daripada kemerdekaan dan kemajuan bangsa, tanah air dan agama... Persekutuan Tanah Melayu yang terbentuk pada 1 Febuari tahun itu belum menentukan kemerdekaan yang diinginkan<sup>40</sup>.

Kehadiran Rashid Maidin dan beberapa anggota Parti Komunis Malaya yang lain juga cukup menarik. Ia memperlihatkan kerjasama PKM dengan PKMM dalam penubuhan HM. Rashid Maidin telah memberi ucapan yang mengutuk British dan sekaligus menaikkan semangat kebangsaan mereka; namun ia memperlihatkan pengaruh PKM yang nyata. Menurut pengkaji yang sama, bahawa:

Rashid Maidin telah membawa bersama-samanya beberapa banyak gambar untuk dipertunjukkan pada hari-hari persidangan itu. Gambar-gambar itu adalah menunjukkan sikap British yang sering tidak adil, malah menganggap orang-orang Timur tidak berotak. Fenomena gambar itu menunjukkan orang Melayu masih hidup diatas pokok dan ini bagi Rashid Maidin adalah sikap memandang rendah kepada orang Melayu. Beliau seterusnya memberi juga penerangan dalam pengertian ideologi yang difahaminya dengan banyak mengutuk pihak penjajah British. Semua yang dilakukan oleh Rashid Maidin itu mendapat sambutan yang baik...<sup>41</sup>

Kebenaran memberi ucapan kepada Malayan Democratic Youth League (MDYL) yang dipengaruhi oleh PKM dimalam persidangan HM itu juga menjadi bukti kuat kepada kegagalan HM untuk berdiri sebagai parti Islam yang putih. Oleh itu apabila Dato' Onn sebagai pemimpin UMNO menyuarakan kebimbangannya terhadap hal ini dengan mengatakan 'hubaya-hubaya musuh dari gunung dan hutan...'<sup>42</sup>, ia adalah satu lukisan kepada kegiatan politik yang bercampurbaaur di antara radikal, Islam dan komunis. Oleh kerana beliau daripada parti yang 'memerintah', kenyataannya dianggap sangat negatif, namun, melihat kepada senario dan kerjasama politik golongan radikal, Islam dan komunis, ia adalah satu kenyataan pahit tetapi jelas berlaku.

Pengisytiharan Darurat oleh British pada pertengahan Julai 1948, telah membantutkan gerakan radikal dan kiri di Persekutuan Tanah Melayu. Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan Parti Komunis Malaya telah terharau:

ramai pemimpin radikal telah ditangkap oleh British, kecuali Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Sutan Djenain, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Mohamad, Abu Bakar Al-Bakir dan ramai lagi golongan kiri telah ditangkap dan dipenjarakan dalam tempoh yang lama.

### PKMM DI SINGAPURA

Dr. Burhanuddin sebagai bekas seorang pemimpin radikal meneruskan kegiatannya di Singapura. Cawangan PKMM Singapura yang masih halal di bawah pimpinan beberapa orang tokoh penting seperti Taha Kalu, Darus Sarif dan Mohd. Mustaza, masih terus aktif memperjuangkan cita-cita mereka.

Keputusan Mahkamah Tinggi Singapura yang menyerahkan semula Maria Hurbedina Hertogh kepada ibubapanya, telah membangkitkan kemarahan orang Melayu dan Islam Singapura. Maria atau nama Islamnya Natrah, yang berusia 13 tahun telah berkahwin dengan Mansur Adabi; tetapi di bawah undang-undang British, Natrah dianggap di bawah umur dan patut kembali di bawah jagaan ibubapanya. Bagi masyarakat Islam dan orang Melayu, ia adalah satu penghinaan kepada agama Islam dan orang Melayu sendiri. Ia adalah satu isu kebangsaan Melayu yang penting.

Pendapat seperti itu telah menyebabkan mereka membantah keputusan mahkamah. Akhbar *Melayu Raya* pimpinan Harun Aminurrashid, telah membangkitkan isu ini dengan hebatnya. Begitu juga *Utusan Melayu*, Persatuan Melayu Semenanjung (PMS) dan Singapore Muslim League di bawah pimpinan Abdul Muhamad bin Abdul Ghani Karim telah membangkitkan bantahan mereka. Satu Jawatankuasa Tindak Perkara Natrah telah ditubuhkan dengan Dr. Burhanuddin dan Abdul Muhamad sebagai tokoh utamanya. Mereka memutuskan untuk mengadakan demonstrasi pada hari Isnin dan Selasa 16 dan 17 Disember 1950. Seramai 10,000 orang telah berarak dan telah mengwujudkan kekecuaan serta pemusnahan hartabenda awam dan korban nyawa. Seramai 18 orang telah terkorban, 124 orang tercedera, 72 buah motorkar yang telah dibakar dan 119 buah motorkar yang telah dirosakkan. Ia bukan sahaja melibatkan orang Islam dan Melayu tetapi juga kesatuan sekerja yang dikatakan dipengaruhi oleh Parti Komunis Malaya dan Singapura. Mereka mendapat bekalan senjata dan makanan daripada organisasi tersebut sehingga mencetuskan pergaduhan dengan polis yang telah mengakibatkan korban nyawa yang besar<sup>49</sup>.

Dr. Burhanuddin kemudian bersama-sama dengan empat orang lain Pejuang PKMM dan Singapore Muslim League telah ditangkap pada 19 Disember 1950. Beliau dan rakan-rakannya kemudian cuba dibela oleh Ibrahim Haji Yaakob, pemimpin baru PKMM yang telah diberi mandat oleh

kawan-kawannya, termasuk Samad Ismail. Ibrahim yang kini menetap di Indonesia telah menubuhkan Panitia Kemerdekaan Malaya. Untuk meminta Bangsa-bangsa Bersatu bagi mengenakan tekanan ke atas British yang dianggapnya telah menekan gerakan kebangsaan<sup>44</sup>.

UMNO dibawah pimpinan Dato' Onn merayu supaya orang Melayu dan Islam berhati-hati dengan hal ini kerana beliau bimbang 'akan terbawa kepada jalan yang sesat oleh hasutan-hasutan orang-orang yang dipercayai tiada dengan sebenar-benarnya ikhlas kepada Tanah Melayu ini'<sup>45</sup>. Desakan Pemuda Kedah untuk UMNO membebaskan Dr. Burhanuddin<sup>46</sup>, tidak dipenuhinya, kerana Dato' Onn melihat persoalan itu di luar daripada bidang kuasa UMNO. Bagaimanapun satu Jawatankuasa Rayuan Natrah telah ditubuhkan oleh pejabat Setia Usaha Agung UMNO yang dipimpin oleh Hussein Onn, namun, kesannya tidak begitu jelas, kerana seperti juga PKMM, UMNO tidak dapat berbuat apa-apa dengan kuasa kerajaan British di Singapura.

#### KESIMPULAN

Gerakan radikal Melayu yang muncul pada akhir tahun 1945 dengan diwakili oleh PKMM memperlihatkan satu strategi perlembagaan Parti Komunis Malaya untuk mendapatkan kerjasama politik dengan orang Melayu. Dengan mempengaruhi penubuhan dan perlembagaan PKMM dan memasukkan beberapa anggotanya ke dalam PKMM, PKM cuba menguasai parti tersebut. Penguasaannya itu dapat dilihat dengan jelas melalui kegiatan-kegiatan PKMM yang sentiasa bergerak bersama dan dengan sokongan PKM. Ini termasuklah kegiatan menyokong Malayan Union, menentang Kongres 1946 dan UMNO serta Perjanjian Persekutuan 1948. Kedua-duanya juga turut terlibat dalam penubuhan Hizbul Muslimin dan gerakan sosio-ekonomi golongan radikal agama Islam yang juga yang merupakan satu protes kepada UMNO dan penentangan kepada British. Kerjasama itu akhirnya disekat oleh British di bawah Undang-undang Darurat 1948 di Tanah Melayu. Namun di Singapura kerjasama PKMM dan Parti Komunis Malaya dan Singapura terus berjalan sehingga meletusnya Peristiwa Natrah yang menyebabkan PKMM terharan dengan undang-undang Darurat Singapura. Ini menyebabkan PKMM diserahkan kepada Ibrahim Yaakob di Indonesia: keberkesananannya sebagai parti radikal tidak begitu jelas kerana ia terbuang di rantau orang. Penyerapan masuk bekas anggota PKMM, API dan AWAS selepas 1948 ke dalam UMNO pula menjadikan ia tenggelam di Tanah Melayu. Ia mempengaruhi nada suara UMNO, tetapi tidak berupaya mengubah struktur dan kepimpinan UMNO yang bersifat sederhana dan konservatif itu. Kerjasama dengan PKM dan strateginya menyokong British (Malayan Union) telah menghilangkan peluang PKMM untuk muncul sebagai parti utama orang Melayu.

## NOTA

1. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, hlm. 23-28.
2. Rang Undang Parti Kebangsaan Melayu Malaya 1945, UMNO/SG 96/1946.
3. Buku-bukunya ini boleh terdapat dalam Kamarudin Jaafar, *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Islam dan Kebangsaan Melayu*, Penerbitan Yayasan Anda, 1980.
4. CO537/1548, Savingsrams.
5. *Malayan Daily News*, 4 Mac 1946.
6. *Pelita Malaya*, 21 Mac 1946.
7. *Ibid.*
8. *Pelita Malaya*, 5 April 1946.
9. *Pelita Malaya*, 5 April 1946.
10. BDM/ADM 8/78, Summary, 'The Combatants Friend' dated 7 May 1946, A Statement for the Spkesman of Central Committee, MCP.
11. Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, SUP, 1983, hlm. 288.
12. K.J. Ratnam, *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, University of Malaya Press, K. Lumpur, 1969, hlm., 55.
13. *Pelita Malaya*, 4 Mac 1946.
14. *Utusan Melayu*, 2 Mei 1946 dan *Daily News Summary*, 2 May 1946.
15. Ini semua boleh dilihat dengan jelas dalam CO537/1529/1548/1549/6020, Telegrams.
16. Firdaus Abdullah, *Radical Malay Politics*, hlm. 86.
17. *Pelita Malaya*, 30 Mac 1946.
18. *Pelita Malaya*, 9 Mac 1946, 6 Mac 1946, 5 April 1946.
19. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Kepuncak*, hlm. 87.
20. *Pelita Malaya*, 30 Mac 1946.
21. *Pelita Malaya*, 10 April 1946.
22. *Pelita Malaya*, 3 April 1946.
23. Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Kepuncak*, hlm. 86-87.
24. Ahmad Boestaman cuba bersembunyi disebalik keputusan undi itu dengan membeli gambaran bahawa kekalahan satu undi itu adalah untuk keseluruhan undi perwakilan. Terdapat empat buah persatuan yang mencadangkan bendera masing-masing iaitu Ikatan Setia Kampung Baru, PKMM, Pergerakan Melayu Semenanjung Johor dan Persatuan Melayu Sabak Bernam. Cadangan Ikatan Setia Kampung Baru mendapat 24 undi, PKMM mendapat 23 undi, Pergerakan Melayu Semenanjung, pimpinan Dato' Onn mendapat 19 undi dan Sabak Bernam mendapat 3 undi. Ini bermula terdapat 4 kelompok undi dan bukanlah dua kelompok seperti yang digambarkan oleh Ahmad Boestaman. Dengan itu pengaruh PKMM mengenai soal bendera itu adalah 23/69 undi. Dengan itu pengaruh PKMM mengenai soal bendera itu adalah 23/69 undi. UMNO/SG 48/46; Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara Kuala Lumpur, 1981, hlm. 141.
25. *Pelita Malaya*, 12 Mac 1946, 28 Mac 1946.
26. *Pelita Malaya*, 10 April 1946.
27. *Pelita Malaya*, 30 Mac 1946.
28. *Pelita Malaya*, 23 Mac 1946.
29. Ahmad Boestaman, 'Menjadi Gergaji Dua Mata' *Dewan Masyarakat*, Jun 1982, hlm.31.
30. *Pelita Malaya*, 2 April 1946.
31. *Ibid.*
32. Ibrahim Mahmud, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 100.
33. *Pelita Malaya*, 2 April 1946.
34. *Pelita Malaya*, 10 April 1946.
35. Aishah Ghani, *Memoir seorang Perjuang*, DBP, K. Lumpur, 1992, hlm. 20-23.
36. *Pelita Malaya*, 5 April 1946.
37. *Pelita Malaya*, 9 Mac 1946.
38. *Malayan Secret Service/PLJ* no. 2/47.

39. Untuk melihat secara mendalam tujuan HM ditubuhkan sila rujuk Nabir Abdullah, *Maahd IL Ihya Assyariff Gunung Semanggul 1934-1959*, Jabatan Sejarah, UKM, 1976, hlm. 159-201.
40. Nabir Haji Abdullah, hlm. 167.
41. *Ibid*, hlm. 165.
42. Beliau tidak menyokong penubuhan Hizbul Muslimin kerana pengaruh PKM yang jelas didalamnya. Beliau mengatakan 'Saya tidak melarang tetapi tidak sudi membenarkan ... bahaya dari gunung itu masih ada lagi dan ditambah pula satu merbahaya lagi yang tumbuh menjalar akarnya supaya orang Melayu terhapus dan terjatuh kerana sebenarnya parti Islam itu merah'. Utusan Melayu, 26 April 1948.
43. Ini diakui oleh Taha Kalu dalam Firdaus Abdullah, *Radical Malay Politics Its Origin and Development*, hlm. 135; Report of the Singapore, 1951, hlm. 30-31.
44. Utusan Melayu, 3 Januari 1950.
45. Ibrahim Mahmud, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, 1981, hlm. 212.
46. Ini berlaku kerana ramai anggota PKMM, API dan AWAS yang telah memasuki UMNO selepas parti-parti tersebut diharamkan pada tahun 1948. Kemasukan ini bertujuan untuk mempengaruhi UMNO supaya menjadi lebih radikal: percubaan ini berjaya apabila cogan kata UMNO Hidup Melayu dipindahkan kepada Merdeka pada akhir tahun 1950. Merdeka adalah cogan kata PKMM. CO537/6020, Pan Malayan Report (PMR) no. 4.5.6/1950; Ramlah Adam, *Ahmad Boestaman. Satu Biografi Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 110.